

Sukuk Prihatin sasar terbitan RM500 juta

Instrumen beri peluang orang ramai melabur sambil menyumbang kepada pembangunan negara

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan melancarkan Sukuk Prihatin dengan sahsaran terbitan sehingga RM500 juta, bagi menyediakan peluang kepada orang ramai melabur sambil menyumbang kepada pembangunan negara susulan penularan COVID-19.

Dengan tema 'Bersama Memacu Masa Depan Negara' dan '#KitaUntukKita', ia adalah instrumen inovatif untuk sumbangan atau derma yang lebih telus, tersusun dan pada masa sama memperoleh pulangan seperti digarisikan mengikut terma dan syarat penerbitannya.

Bon Islam dengan langganan minimum hanya RM500 dan tiada had maksimum itu, menawarkan kadar keuntungan sebanyak 2.0 peratus setahun, yang mana dibayar setiap suku tahunan bagi tempoh dua tahun dan dikecualikan cukai.

Berdasarkan situasi semasa, kadar keuntungan yang ditawarkan itu, dikira agak kompetitif.

Bagi yang bermingat, kaedah langganannya juga amat mudah iaitu menerusi JomPAY dan/atau DuitNow, yang mana boleh diakses melalui platform perbankan

digital disediakan 27 bank di Malaysia, sama ada menerusi internet atau telefon pintar.

Sukuk sulung yang ditawarkan menerusi platform digital sebegini.

Selepas dua tahun iaitu apabila sukuk berkenaan matang, pemegang sukuk diberikan pilihan, sama ada mendapatkan semula modal atau menyumbangkannya kepada kerajaan, yang mana sumbangan itu akan diberi potongan cukai yang sewajarnya.

Sukuk Prihatin yang ditawarkan untuk langganan warga negara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas itu juga adalah instrumen patuh syariah berlandaskan prinsip Tawarruq melalui pengaturan Komoditi Murabahah.

Matlamat penyaluran dana dikumpul atau hasil terbitan dijana daripada Sukuk Prihatin juga jelas iaitu akan disalurkan kepada Kumpulan Wang COVID-19 bagi pelaksanaan inisiatif pemuliharaan ekonomi, termasuk meningkatkan kesalinghubungan kepada sekolah luar bandar; menampung perbelanjaan kesihatan berkaitan penyakit berjangkit; dan membiasai PKS mikro terutama usahawan wanita.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, pada majlis pe-

Sebuah Inisiatif

Kerajaan

Perdana Menteri

Al-Sultan Abdullah berkenan menyaksikan pelancaran Sukuk Prihatin yang turut dihadiri Muhyiddin dan Tengku Zafrul di Putrajaya, semalam.

Al-Sultan Abdullah berkenan menyaksikan pelancaran Sukuk Prihatin yang turut dihadiri Muhyiddin dan Tengku Zafrul di Putrajaya, semalam.
(Foto BERNAMA)

lancaran sukuk berkenaan di sini semalam, berkata penerbitan itu adalah hasil semangat ditunjukkan rakyat yang ingin bersama membantu memacu semula ekonomi negara selepas terjejas akibat penularan COVID-19.

Berikutnya itu, katanya kerajaan memutus melaksanakan pendekatan secara *bottom-up* untuk menerbitkan Sukuk Prihatin, yang membuka peluang langganan ke-

Usaha ini adalah suatu bentuk penyatuan sumber yang mencerminkan solidariti rakyat Malaysia dalam membina semula ekonomi negara

Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri

pada orang awam dan korporat.

"Usaha ini adalah suatu bentuk penyatuan sumber yang mencerminkan solidariti rakyat Malaysia dalam membina semula ekonomi negara," katanya.

Pelancaran Sukuk Prihatin disaksikan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, yang turut berkenan menjadi pelabur terawal.

Hadir sama ialah Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Perdana Menteri menjelaskan, inisiatif Sukuk Prihatin memenuhi tiga fokus Wawasan Kemakmuran Bersama dan sebahagian pendekatan yang bakal memanfaatkan kumpulan sasaran yang paling terkesan akibat wabak COVID-19.

"Tiga fokus Wawasan Kemakmuran Bersama itu ialah untuk menstruktur semula ekonomi dengan memastikan pembangunan untuk semua, menangani ketidak-samaan dengan merapatkan jarak pendapatan dan membina ne-

gara ke arah negara bersatu, makmur dan bermaruah," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan yakin usaha murni itu akan dapat memastikan rakyat menikmati taraf hidup yang sewajarnya melalui pendekatan terbaik hasil kerjasama kerajaan dan rakyat.

"Saya amat terharu apabila dimaklumkan bahawa kerajaan telah menerima banyak tawaran yang jujur dan ikhlas daripada rakyat yang ingin membantu kerajaan dalam menyokong langkah-langkah pemuliharan ekonomi.

"Ini akan memanfaatkan usaha Kementerian Kesihatan dan institusi penyelidikan awam serta institut pengajian tinggi dalam kajian terhadap sesuatu penyakit atau wabak berjangkit," katanya.

Muhyiddin berkata, oleh kerana dana Sukuk Prihatin tertumpu kepada golongan yang benar-benar memerlukan, kerajaan berjanji akan memastikan tidak ada yang ketinggalan dalam usaha pemuliharan ekonomi susulan wabak itu.